

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 19 JULAI 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 25

### Firma pemodal teroka berpengaruh mahu labur di Malaysia

## Firma pemodal teroka berpengaruh mahu labur di Malaysia

Kementerian Ekonomi menerima maklum balas amat menggalakkan daripada firma pemodal teroka paling berpengaruh dalam dunia syarikat pemula seperti GGV, Iterative VC, TPG Global, East Ventures, Insignia Ventures Partners dan Openspace Ventures berikutkan usaha untuk membangunkan ekosistem syarikat pemula di negara ini.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata semasa lawatannya ke Singapura pada 14 Julai lalu, salah satu firma pemodal teroka yang hadir pada sesi dihoskan K3 Ventures dan Bloomberg mengumumkan hasrat membuka cawangan di Kuala Lumpur tidak lama lagi.

"Kementerian Ekonomi akan mengadakan sesi libat urus dengan firma pemodal teroka dan pengasas berpengalaman dengan lebih kerap lagi untuk menzahirkan cita-cita negara untuk menjadikan Kuala Lumpur hab syarikat pemula serantau," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau mengetuai delegasi Malaysia ke Singapura bagi menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Peringkat Menteri Malaysia-Singapura untuk Iskandar Malaysia Ke-16, baru-baru ini.



Rafizi mengetuai delegasi Malaysia ke Singapura bagi menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Peringkat Menteri Malaysia-Singapura untuk Iskandar Malaysia Ke-16, baru-baru ini.

(Foto ihsan Kementerian Ekonomi)

Bersama Peringkat Menteri Malaysia-Singapura untuk Iskandar Malaysia (JMCIM) Ke-16.

Mesyuarat turut dihadiri Menteri Pembangunan Negara (Singapura), Desmond Lee; Pejabat Menteri Pengangkutan (Singapura), Chee Hong Tat dan Menteri Besar Johor, Datuk Onn

Hafiz Ghazi.

Rafizi berkata, beliau juga berpeluang berjumpa pemain industri strategik di Singapura termasuk syarikat semikonduktor antarabangsa yang mempunyai kepakaran dalam komponen *front-end*, *back-end* dan reka bentuk.

Beliau berkata, Kementerian Ekonomi bersama Kementerian Perdagangan dan Industri (MITI) serta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) mengadakan sesi dialog dengan syarikat semikonduktor seperti Micron, Infineon Technologies, ST Microelectronics, Venture

Corporation dan Synopsys untuk melakar visi strategik industri semikonduktor di Malaysia.

"Industri semikonduktor dianggarkan bakal mencapai AS\$1 triliun pada 2030 berikutan peningkatan permintaan global.

"Oleh itu, penentuan visi strategik yang dapat menggunakan kelebihan sedia ada kita, terutama dalam *back-end* dan reka bentuk litia bersepadu, mampu mewujudkan pekerjaan bergaji dan bernilai tinggi," katanya.

Rafizi menambah, Kementerian Ekonomi turut berjumpa dengan pelabur institusi yang mempunyai aset di bawah pengurusan antara RM180 bilion dan RM3.2 triliun serta bertukar pandangan mengenai situasi ekonomi dan politik semasa, di samping berkongsi pelan kementerian untuk tahun mendatang.

"Dalam perbincangan itu, Kementerian memberikan fokus Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara yang mampu memberi impak besar kepada ekonomi Malaysia dengan jumlah peluang pelaburan RM637 bilion," katanya.